

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR TUAN KAMARUDDIN BIN
ABDUN
TARIKH : 19 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah pihak JKM bercadang atau menetapkan satu tarikh yang bersesuaian untuk menyelaraskan peruntukan di rumah anak-anak yatim dari RM8.00 kepada RM16.00 untuk 5 kali makan bagi 1 hari yang telah lama tertangguh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kerajaan melalui Kementerian ini telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK termasuk kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Pada masa ini, di bawah peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8.00 sehari bagi kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan. Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK wajar mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos tambahan makan minum penghuni mengikut keperluan.

Pengiraan bantuan kewangan yang disalurkan juga mengambil kira prestasi kewangan semasa PSK tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.

SOALAN NO. 1

Jadi bagi menjawab soalan YB Senator, Kementerian ini tidak dapat memberikan satu tarikh di mana kita boleh memberi komitmen bahawa kita akan menaikkan daripada RM8.00 hingga RM16.00.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI
SABU
TARIKH : 19 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

Puan Raj Munni Binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baharu Kementerian bagi memperkasa politik wanita di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Global Gender Gap Index 2018 oleh World Economic Forum menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke 101 daripada 149 buah negara yang mana indeks tersebut digunakan untuk mengenal pasti jurang gender melalui empat sub-indeks termasuk *political empowerment*, dengan izin. Berdasarkan laporan berkenaan, skor *political empowerment* Malaysia masih berada di tahap yang rendah iaitu 0.072 berbanding skor penuh iaitu 1.0 (100%) yang ditakrifkan sebagai tiada jurang gender antara lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, komitmen Kerajaan baru dalam meningkatkan penglibatan wanita dalam politik melalui pengisian jawatan Timbalan Perdana Menteri, perlantikan lebih ramai Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri dalam kalangan wanita akan membantu memperbaiki kedudukan ini. Di samping itu, jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada 3 orang kepada 5 orang menteri berportfolio penuh daripada 27 orang menteri keseluruhannya di bawah Kerajaan yang baharu.

Oleh itu, mengambilkira kepentingan dokumen Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita sebagai panduan kepada pembangunan dan pengupayaan wanita di Malaysia, maka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah bekerjasama dengan pihak *United Nations Development Programme* (UNDP) untuk melaksanakan kajian bagi melihat keberkesanaan pemakaian dan pelaksanaan dasar dan polisi tersebut sebelum ini. Salah satu dapatan kajian tersebut adalah agar usaha-usaha mengarusperdana gender (*gender mainstreaming*) perlu digiatkan supaya perspektif gender

NO SOALAN: 12

khususnya wanita diintegrasikan dalam aspek perancangan, penggubalan dasar dan juga pelaksanaan program termasuklah dalam bidang politik. Bagi maksud berkenaan, Kementerian ini telah melaksanakan program kepekaan gender (*gender sensitization*) dalam kalangan Ahli-Ahli Parlimen pada 13 November 2019 dan juga kepada Ahli-ahli Majlis Wanita di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan pada 15 November 2019. Selain itu, golongan belia juga turut didedahkan kepada kepentingan peka gender melalui program kepimpinan anjuran Kementerian ini yang melibatkan para pemimpin pelajar Institusi-Institusi Pengajian Tinggi awam dan swasta.

Peranan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam politik ini wajar digalas oleh semua pihak dan saya ingin menyeru agar pertubuhan-pertubuhan politik dalam negara ini menyediakan peluang yang adil dan saksama agar lebih ramai kepimpinan wanita dapat ditonjolkan kerana beberapa kajian juga telah menunjukkan bahawa kepimpinan wanita mampu menyumbang kepada tadbir urus organisasi yang lebih baik dalam proses pembangunan kesejahteraan negara.

Sekian, terima kasih.